

Newspaper	Utusan Melayu
Date	09/08/2017

Sasaran negara berpendapatan tinggi dilaksana ikut perancangan

Pembaharuan diteruskan

Lim-9/8/2017 pg.3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan akan meneruskan program-program pembaharuan yang telah diiktiraf pakar-pakar seluruh dunia walaupun ia bukan bersifat populis demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat negara ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu sekali gus memastikan perjalanan Malaysia menuju negara berpendapatan tinggi dapat diteruskan melalui pendekatan yang dirancang iaitu bukan semata-mata mahu mengambil hati atau sokongan rakyat.

Dalam hal ini, Perdana Menteri menampelak ahli-ahli politik pembangkang yang menyebarkan pembobongan dengan memberikan gambaran buruk berhubung tindakan kerajaan membawa masuk pelaburan dari China selain keputusan melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

"Sedangkan mereka (pembangkang) tidak ada jawapan bagaimana mereka akan mencari hasil sebanyak RM41 bilion daripada langkah GST yang diperolehi tahun lalu. Mereka menyebarkan dakyah demi kepentingan politik. Mereka langsung tidak ada niat kebaikan dalam hati mereka untuk negara dan rakyat.

"Bagaimanapun, saya akan memastikan kerajaan ini bersifat adil dan bukan hanya sebuah kerajaan populis demi memenangi sokongan rakyat, namun kami tidak kisah jika mahu menyokong kita untuk pilihan raya akan datang," katanya ketika berucap merasmikan Forum Ekonomi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Ke-



NAJIB TUN RAZAK melawat gerai pameran selepas merasmikan Forum Ekonomi NCCIM 2017 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID

bangsaan Malaysia (NCCIM) 2017 di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Presiden NCCIM, Datuk Ter Leong Yap.

Dalam pada itu, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, kemajuan ekonomi negara yang ketika ini berada dalam keadaan kukuh tidak berlaku secara kebetulan tetapi ia berdasarkan pelan yang dirangkaikan dan pelan itu akan diteruskan setelah menunjukkan keberhasilan memberangsangkan sebelum ini. Jelas beliau, kerajaan akan

tetap mengalu-alukan kemasukan pelaburan dari negara-negara luar termasuk China walaupun ia menjadi topik yang berterusan dipolitikkan dan dicanangkan di luar konteks oleh pihak pembangkang.

Sedangkan kata beliau, jumlah pelaburan dari negara itu dijangka memberi pulangan sebanyak RM31.3 bilion melalui sembilan perjanjian yang ditandatangani pada Mei lalu selain RM143.6 bilion melalui memorandum persefahaman (MoU) pada November tahun lalu dalam bidang pertahanan, pertanian, pendidikan, kewangan dan pembinaan.



Bagaimanapun, saya akan memastikan kerajaan ini bersifat adil dan bukan hanya sebuah kerajaan populis demi memenangi sokongan rakyat, namun kami tidak kisah jika mahu menyokong kita untuk pilihan raya akan datang."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

